BERITA HARIAN

AKPK
Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit
Credit Counseling And Debt Management Agency

# KERETA BUKAN ASET

## Nilai aspek selenggara, komitmen kewangan sebelum miliki kenderaan

**Oleh Alzahrin Alias**
zahrin@bharian.com.my

ANDA masih lagi berkira-kira mahu membeli kereta? Apa kata sebelum membeli kereta, kita pelajari dulu beberapa tip dan panduan.

Jika minggu lalu kita sudah mengetahui secara kasar mengenai pembelian kereta dan apa yang perlu ditanggung, minggu ini kita teruskan perbincangan mengenai pembelian kenderaan termasuk dari aspek komitmen kewangan dan penyelenggaraan.

Perkara yang selalu difikirkan setiap kali membeli kereta ialah berapa kemampuan saya?

Kadar faedah untuk pinjaman kereta biasanya dikira berasaskan kadar sama rata. Mengikut Akta Sewa Beli 1967, kadar faedah maksimum yang dibenarkan ialah 10 peratus setahun.

Kiraan faedah adalah berdasarkan faedah atas jumlah pokok untuk sepanjang tempoh pinjaman sewa beli. Pengiraan boleh dilihat di dalam contoh berikut:

- Harga kereta – RM50,000
- Bayaran pendahuluan @ 10 peratus – RM5,000
- Jumlah pinjaman sewa beli – RM45,000
- Kadar faedah (Kadar sama rata) – 5 peratus setahun
- Tempoh pinjaman – 5 tahun (60 bulan)

**PENGIRAAN**

**Jumlah faedah yang dikenakan**
- Jumlah pinjaman x kadar faedah x Tahun
- RM45,000 x 5% x 5
- RM11,250

**Jumlah pinjaman + Faedah**
- RM45,000 + RM 11,250
- RM56,250

**Jumlah ansuran bulanan**
- RM56,250 / 60 bulan
- RM938

Ansuran bulanan yang perlu dibayar ialah RM938 sebulan. Untuk mengetahui sama ada anda mampu membayar ansuran berkenaan, gunakan formula berikut untuk memperoleh pendapatan bulanan minimum yang anda perlukan.

Pengiraan jumlah pendapatan minimum ini atas andaian bahawa anda tidak ada ansuran lain. Jika anda mempunyai pinjaman lain, pastikan jumlah ansuran semua pinjaman tidak melebihi 40 peratus daripada pendapatan kasar bulanan anda.

**Pendapatan kasar bulanan**
- Bayaran ansuran bulanan kereta / 40 peratus
- RM938 / 40 peratus
- RM2,345

Dengan pendapatan RM2,345 tanpa komitmen pinjaman yang lain, anda mampu membayar ansuran tersebut. Bagaimanapun, anda masih perlu mengambil kira perbelanjaan berkaitan yang ditunjukkan di bawah.

Kiraan di bawah menunjukkan bahawa kos memiliki kereta tersebut adalah jauh melebihi bayaran ansuran bulanan yang berjumlah RM938 sebulan.




| Kos tetap | RM/Bulan | Catatan |
|---|---|---|
| 1. Bayaran ansuran (dibundarkan) | 938 | RM45,000 @ 5 peratus selama 5 tahun |
| 2. Insurans | 125 | RM1,500 setahun / 12 bulan |
| 3. Cukai jalan | 8 | RM90 setahun / 12 bulan |
| **Kos boleh ubah** | | |
| 1. Petrol | 225 | Andaian RM 0.15/km x 50KM/hari x 30 hari |
| 2. Servis dan penyelenggaraan | 100 | Berdasarkan anggaran |
| 3. Parkir / Tol dan lain-lain | 100 | Berdasarkan anggaran |
| Jumlah Kecil | RM1,496 | |

**Info**

ANDA menghadapi masalah kewangan dan ingin mendapatkan nasihat AKPK melalui kolum Bajet Bijak? Sila hantar kemusykilan anda melalui e-mel ke alamat **bminggu@bharian.com.my** untuk diteliti dan dianalisa kaunselor AKPK. Ulasan AKPK serta soalan anda akan disiarkan di kolum Bajet Bijak.